

# ***BUKU PANDUAN*** ***OPERASI BANJIR***

**HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II  
(HRPZII)**



**TAHUN 2016/2017**

**Kemaskini: 1 November 2016**

# ISI KANDUNGAN

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Pendahuluan	4
2	Matlamat	4
3	Jawatankuasa Pengurusan Banjir	5
4	Keanggotaan Jawatankuasa Induk Banjir HRPZ II	5-6
5	Carta Organisasi Banjir	7
6	Pengisytiharan Bilik Gerakan Banjir Dibuka	8
7	Fungsi Bilik Gerakan	8
8	Carta Pengisytiharan Bilik Gerakan Banjir Dibuka	9
9	Tugas Dan Tanggungjawab	10-13
10	Tugas Dan Tanggungjawab Ketua Jabatan/Unit	14
11	Kewajipan Menubuhkan Ahli Jawatankuasa Banjir Bagi Setiap Jabatan/Unit/Wad	14
12	Panduan Memindahkan Pesakit Dari Wad-wad	15
13	Tindakan Yang Perlu Dilakukan Selepas Pengisytiharan Tamat Banjir Oleh Pengarah	16
14	Protokol Akhir	17
15	Carta Penutupan Bilik Gerakan Banjir	17
16	Lampiran	18
17	Lampiran A <ul style="list-style-type: none"><li>- No. Telefon Pusat-Pusat Pemantauan Banjir</li><li>- No. Telefon Agensi Lain</li></ul>	19
18	Lampiran B <ul style="list-style-type: none"><li>- Pengisytiharan Banjir Dan Panduan Bertindak Petugas Semasa Banjir</li></ul>	20-21
19	Lampiran C <ul style="list-style-type: none"><li>- Borang Laporan Kerosakan Barang-Barang Akibat Banjir Sahaja</li></ul>	22

20	Lampiran D Jadual Petugas Bilik Gerakan Banjir	23-26
21	Lampiran E Senarai Nama Dan No. Telefon Petugas Banjir	27-29
22	Lampiran F Senarai Barang-Barang Keperluan Bilik Gerakan Banjir	30

## 1. PENDAHULUAN

Negeri Kelantan terletak di luar Kawasan Lingkaran Api (*Ring of Fire*) seperti gempa bumi dan ribut taufan. Namun begitu, bencana alam yang tidak terlepas daripada melanda Negeri Kelantan ialah banjir.

Adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan Malaysia supaya setiap Hospital menyediakan satu pelan tindakan yang menyeluruh yang mampu menangani bencana banjir. Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu yang merupakan Hospital rujukan utama di Negeri Kelantan semestinya mempunyai satu sistem bersepadu atau pelan tindakan tersendiri merangkumi beberapa peringkat sama ada di Hospital (*Centralized*) ataupun di tempat pemindahan (*Decentralized*). Pihak klinikal dan Pengurusan mestilah sentiasa bersedia-sedia dan bekerjasama untuk menghadapi bencana banjir yang boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja terutamanya pada musim tengkujuh.

Pihak Hospital juga mendapat kerjasama rapat dari pihak Polis, Tentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta sokongan dari Pertubuhan Sukarela seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, St. John's Ambulance dan Ahli Lembaga Pelawat dalam menangani bencana ini.

## 2. MATLAMAT

Merangka satu pelan tindakan yang kemas dan bersepadu bagi memberi maklumat dan panduan secara menyeluruh kepada semua anggota Hospital untuk menghadapi pelbagai kemungkinan yang diakibatkan oleh banjir seperti peningkatan jumlah pesakit, urusan pemindahan wad dan pemindahan ke HUSM. Lantaran itu pihak HRPZ II bermatlamat agar semua anggota bersedia sedia dalam semua aspek bagi menangani bencana ini. Antaranya ialah :-

- 2.1 Menyediakan satu kaedah supaya Pasukan Petugas Banjir yang terlatih dan mahir dapat mengendalikan pelbagai keadaan kecemasan, menyelamatkan, memeriksa serta memberi rawatan awalan sehingga bantuan kepakaran diberikan kepada mangsa;
- 2.2 Mewujudkan satu sistem penyampaian isyarat kepada anggota tertentu akan kemungkinan berlaku banjir, tahap kecemasan dan semua anggota adalah diharap bertindak mengikut pelan tindakan seperti yang dirancangkan; dan
- 2.3 Mewujudkan satu Pasukan Bertindak banjir apabila Pengisytiharan dibuat oleh Pengarah dan diikuti dengan tugas anggota membantu kerja-kerja rawatan dan pemindahan mangsa di zon-zon/wad-wad tertentu.

### **3. JAWATANKUASA PENGURUSAN BANJIR**

Tujuan penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk :-

- 3.1 Merangka, mengemaskini dan melaksanakan Pelan Tindakan Banjir;
- 3.2 Memaklum dan memberi panduan kepada anggota Hospital akan tanggungjawab dan carakerja yang perlu dilaksanakan bagi menghadapi banjir; dan
- 3.3 Mengambil tindakan yang perlu bagi memastikan bahawa Pihak Hospital adalah sentiasa bersiap sedia menghadapi kemungkinan banjir.


### **4. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA INDUK BANJIR HRPZ II**

Keanggotaan Jawatankuasa Induk ini adalah seperti berikut :-

- |      |                                    |   |                        |
|------|------------------------------------|---|------------------------|
| 4.1  | Pengarah Hospital                  | - | Ketua Operasi          |
| 4.2  | Timb. Pengarah (Perubatan)         | - | Timb. Ketua Operasi I  |
| 4.3  | Timb. Pengarah (Pembedahan)        | - | Timb. Ketua Operasi II |
| 4.4  | Timb. Pengarah (Klinikal)          | - | Ahli                   |
| 4.5  | Timb. Pengarah (MCH)               | - | Ahli                   |
| 4.6  | Timb. Pengarah (Pengurusan )       | - | Ahli                   |
| 4.7  | Ketua Jabatan Kecemasan            | - | Ahli                   |
| 4.8  | Ketua Jabatan Ortopedik            | - | Ahli                   |
| 4.9  | Ketua Jabatan Perubatan            | - | Ahli                   |
| 4.10 | Ketua Jabatan Pediatrik            | - | Ahli                   |
| 4.11 | Ketua Jabatan Psikiatri            | - | Ahli                   |
| 4.12 | Ketua Jab. Pengimejan & Diagnostik | - | Ahli                   |
| 4.13 | Ketua Jabatan O&G                  | - | Ahli                   |
| 4.14 | Ketua Jabatan Bius                 | - | Ahli                   |
| 4.15 | Ketua Jabatan Oftalmologi          | - | Ahli                   |
| 4.16 | Ketua Jabatan Patologi             | - | Ahli                   |

4.17	Ketua Jabatan Bedah	-	Ahli
4.18	Ketua Jabatan Ortopedik	-	Ahli
4.19	Ketua Jabatan ORL	-	Ahli
4.20	Ketua Jabatan Dermatologi	-	Ahli
4.21	Ketua Jabatan Bedah Mulut	-	Ahli
4.22	Ketua Jabatan Forensik	-	Ahli
4.23	Ketua Jabatan Rehabilitasi	-	Ahli
4.24	Ketua Jabatan Farmasi	-	Ahli
4.25	Ketua Jabatan Dietetik & Sajian	-	Ahli
4.26	Ketua Jabatan Nefrologi	-	Ahli
4.27	Ketua Unit Pendidikan Pesakit	-	Ahli
4.28	Ketua Unit Kebajikan Sosial Perubatan	-	Ahli
4.29	Ketua Unit Khidmat Pengurusan	-	Ahli
4.30	Ketua Pen. Peg. Perubatan	-	Ahli
4.31	Ketua Penyelia Jururawat	-	Ahli
4.32	Ketua Pegawai Khidmat Pelanggan (PRO)	-	Ahli
4.33	Pengurus Cawangan Radicare	-	Ahli
4.34	Pen. Pegawai Keselamatan	-	Ahli
4.35	Penyelaras Unit Angkut	-	Ahli
4.36	Ketua Unit Rekod Perubatan	-	Ahli
4.37	Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran	-	Setiausaha bersama
4.38	Pen. Pengarah (Pentadbiran)	-	Setiausaha

## CARTA ORGANISASI BILIK GERAKAN BANJIR HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II, KOTA BHARU, KELANTAN



## 6. PENGISYTIHARAN BILIK GERAKAN BANJIR DIBUKA

Bilik Gerakan Banjir HRPZ II akan beroperasi (dibuka) apabila PARAS AIR SUNGAI KELANTAN MELIMPAH DAN MENDAPAT ISYARAT DARI BILIK GERAKAN BANJIR NEGERI atau apabila bacaan di Tambatan Diraja mencapai/mencecah 4 meter. Ketua Operasi Banjir – ( Pengarah Hospital ) Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu akan mengisytiharkan supaya Bilik Gerakan dibuka.

### Hebahan kepada Petugas/Kakitangan

Pengarah akan mengarah Bilik Gerakan dibuka apabila mendapat maklumat tentang situasi banjir yang memerlukan Bilik Gerakan dibuka iaitu (apabila paras air ditangga Krai mencecah 20 meter dan 3 meter di Tambatan DiRaja – Rujuk **Lampiran B**) Pegawai Khidmat Pelanggan dikehendaki untuk menghubungi Ketua Penyelaras Bilik Gerakan yang bertugas pada hari tersebut.


PERINGKAT	PARAS AIR		
	TAMBATAN DIRAJA@JETI KASTAM (METER)	KUSIAL@JAMBATAN GUILLEMARD (METER)	TANGGA KRAI (METER)
WASPADA	3.0	12.0	20.0
AMARAN	4.0	14.0	22.5
BAHAYA	5.0	16.0	25.0

## 7. FUNGSI BILIK GERAKAN

- 6.1 Memastikan semua anggota yang terlibat melaksanakan tindakan sepertimana yang dirancang.
- 6.2 Menyelaras, menerima dan menyalurkan maklumat terkini keadaan tentang banjir.
- 6.3 Menyelaras aktiviti banjir peringkat Hospital.



## CARTA PENGISYTIHARAN BILIK GERAKAN BANJIR DIBUKA



## **9. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

### **A) Tugas dan Tanggungjawab Pengarah Hospital atau sesiapa yang memangku jawatan Pengarah (Ketua Operasi)**

1. Mengisytiharkan Pembukaan Bilik Gerakan banjir HRPZ II.
2. Menentukan/Mengaktifkan Bilik Gerakan Banjir HRPZ II.
3. Menentukan dasar-dasar dan arahan yang dikeluarkan oleh JKNK/Kerajaan Negeri/Agensi lain berkaitan dengan banjir dilaksanakan.
4. Memberi taklimat kepada Pegawai-pegawai yang terlibat dengan operasi.

### **B)(i) Tugas dan Tanggungjawab Timb. Pengarah (Perubatan) (Timb.Ketua Operasi I)**

1. Menasihatkan Ketua Operasi (Pengarah Hospital) untuk mengaktifkan Bilik Gerakan Banjir.
2. Memberi/memaklumkan perkembangan terkini banjir.
3. Memaklumkan kepada Ketua Operasi (Pengarah Hospital) untuk mengadakan mesyuarat tergempar (jika perlu).
4. Menentukan urusan perpindahan pesakit berjalan dengan lancar dan selamat.
5. Menentukan peralatan perubatan dan makanan pesakit mencukupi.

### **(ii) Tugas dan Tanggungjawab Tim. Pengarah (Pembedahan) (Timbalan Ketua Operasi II)**

1. Mengambil alih tugas Ketua Operasi sekiranya Ketua Operasi/Timbalan Ketua Operasi I bertugas diluar pejabat/berkursus.

### **C) Tugas dan Tanggungjawab Timb. Pengarah (Pengurusan)**

1. Memastikan segala keperluan logistik mencukupi dan boleh digunakan.
2. Menentukan peruntukan kewangan mencukupi.
3. Mendapatkan maklumat dan berita terkini tentang paras air dari Bilik Gerakan Negeri serta Pejabat Tanah dan Jajahan/Pejabat Kesihatan dan memaklumkan kepada Pengarah Hospital dari semasa ke semasa.

### **D) Ketua Penyelaras Bilik Gerakan Banjir**

1. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perjalanan Operasi Bilik Gerakan Banjir.
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Operasi (Pengarah)/Timb. Ketua Operasi (Timb. Pengarah).
3. Memastikan bekalan makanan petugas Bilik Gerakan Banjir HRPZ II mencukupi.
4. Menjadi *Liaison Officer* dengan Hospital-hospital lain seperti HUSM.
5. Memastikan Bilik Gerakan Banjir HRPZ II berjalan/beroperasi seperti yang dirancang.
6. Memastikan kakitangan yang bertugas di Bilik Gerakan Banjir berada di Bilik Gerakan Banjir.

7. Memantau laporan berkala setiap hari.

**E) Ketua Syif Petugas Bilik Gerakan Banjir**

1. Menerima arahan daripada Ketua Penyelaras Bilik Gerakan Banjir.
2. Menyelaras segala aktiviti Bilik Gerakan.
3. Menyediakan laporan berkala dan menyerahkannya kepada Ketua Penyelaras Syif.
4. Menerima laporan dari Wad mengenai pemindahan pesakit.
5. Bertindak sebagai Pegawai Perhubungan dengan lain-lain agensi/Jabatan.
6. Mengatur/menyelaras aktiviti operasi pemindahan pesakit dan barang-barang (peralatan).
7. Menentukan giliran petugas hadir sebelum meninggalkan Bilik Gerakan dan memastikan ada pengganti jika pegawai tidak dapat hadir bertugas seperti yang telah dijadualkan.
8. Menyelaras kenderaan darat dan air (*boat*) yang digunakan dan diperlukan.

**F) Petugas Bilik Gerakan Banjir**

1. Merekod maklumat/mengemaskini data graf bagi tujuan tindakan.
2. Mengemaskini status paras air/kawasan yang terlibat/bilangan mangsa/ Institusi Kesihatan yang terputus hubungan.
3. Menyenaraikan nombor-nombor telefon organisasi yang terlibat di papan tanda untuk kemudahan perhubungan terutama kepada pegawai-pegawai yang terlibat (Rujuk **Lampiran A**).
4. Merekod semua maklumat dan tindakan yang dibuat/dilaksanakan ke dalam Buku Catatan Banjir dan disahkan oleh Ketua Syif.

**G) Tugas Sister On Call di Bilik Gerakan.**

1. Menyelaras dan memantau perpindahan pesakit dari Wad.
2. Menerima borang perpindahan pesakit dan menyerahkan kepada Ketua Syif Bilik Gerakan.
3. Menyelaras penempatan petugas di Wad yang terlibat dengan Banjir.
4. Memastikan semua Wad yang bermasalah dengan Banjir menghubungi *sister on – call*.
5. Memastikan semua perpindahan pesakit dari Wad yang dibuat dimaklumkan kepada Ketua Penyelaras Syif Bilik Gerakan.

**H) Tugas Ketua Jabatan Sajian dan Dietetik**

1. Memastikan makanan mentah dan masak disediakan dengan mencukupi untuk pesakit di semua Wad, Wad yang dipindahkan dan petugas di bilik Gerakan Banjir.
2. Memastikan makanan masak boleh dihantar ke wad-wad baru (perpindahan) serta boleh dibekalkan pada masa yang dijadualkan.
3. Memastikan kenderaan dan kakitangan yang mencukupi bagi urusan penghantaran makanan ke Wad (perpindahan) dan petugas Bilik Gerakan.

4. Memastikan ada alternatif lain untuk mendapatkan makanan masak dari sumber lain sekiranya dapur tidak dapat digunakan akibat banjir.
5. Memastikan seorang pegawai dari Jabatan Sajian & Dietetik berada di Bilik Gerakan bagi melicinkan urusan pembahagian makanan untuk pesakit dan petugas Bilik Gerakan.
6. Menyediakan dan mengagihkan makanan kepada petugas bantuan seperti Bomba, Askar, Persatuan Bulan Sabit Merah dan lain-lain. (Dapatkan senarai dari bilik Gerakan Banjir).

**I) Tugas Ketua Jabatan Farmasi**

1. Memastikan semua peralatan Farmasi/Ubat-ubatan dipindahkan atau ditempatkan di kawasan selamat dan mudah diperolehi apabila diperlukan.
2. Memastikan bekalan ubat dan lain-lain keperluan mencukupi bagi wad-wad baru (perpindahan).
3. Memastikan kecukupan kenderaan/kakitangan bagi memindahkan peralatan/ubatan sekiranya keadaan memerlukannya.
4. Memastikan bekalan ubatan/peralatan mencukupi bagi kegunaan kecemasan.
5. Menyimpan bekalan perubatan untuk keperluan berdasarkan kepada pengalaman yang lalu.
6. Bekalan Oksigen di dalam tabung '240 cubic feet' yang dibekalkan hendaklah dipulangkan segera untuk diisi semula.
7. Ketua Pegawai Farmasi/Pegawai Farmasi/Pembantu Farmasi mestilah boleh dihubungi 24 jam untuk bekalan perubatan dan peralatan. Semua permintaan mestilah disalurkan melalui Bilik Gerakan Banjir HRPZ II, Kota Bharu.
8. Menyediakan bekalan Ubat-ubatan secara "segera" mengikut arahan.
9. Memastikan penyusunan ubat-ubatan dibuat secara teratur semasa pemindahan supaya senang dikesan sebelum dan selepas banjir.

**J) Pengurus Radicare Sdn. Bhd.**

1. Membantu menyiasat paras air sungai dan mengemukakan laporan kepada Ketua Operasi (Pengarah Hospital).
2. Mesti bertanggungjawab kepada Janakuasa (Jenerator set) Hospital
3. Memaklumkan Pengarah sekiranya perlu memberhentikan bekalan elektrik dan notis pemberhentian mesti dikeluarkan kepada kakitangan.
4. Menjaga dan menguruskan perahu supaya bersedia pada setiap masa.
5. Menjaga keselamatan semua peralatan elektrik dan elektronik di Hospital
6. Menjaga keselamatan sistem Perhubungan (Telefon dan faks) agar ianya berfungsi pada setiap masa semasa banjir.
7. Menjalankan kerja-kerja baik pulih segala kemudahan Hospital dan mesti mendapat pandangan Pengarah mengikut kepentingan (*priority*)
8. Menjalankan penyiasatan paras air di Tambatan Diraja/ Tangga Krai bersama Pen. Peg. Kes. Persekitaran untuk dimaklumkan kepada Ketua Penyelaras Operasi (Timb. Pengarah Pengurusan).

9. Menyediakan Jen-Set mudah alih untuk kegunaan di Wad-wad yang terputus bekalan elektrik terutamanya di Wad-wad 28, 29 dan 30.
10. Mengenalpasti dan mengadakan aliran pintas di Wad-wad yang terputus bekalan elektrik di mana Jen-Set tidak selamat digunakan.
11. Membantu memindahkan pesakit dan kakitangan dari Jabatan/Wad/Klinik yang ditenggelami air.

**K) Tugas Pen. Pegawai Keselamatan HRPZ II dan Pengawal Keselamatan Swasta**

1. Memastikan kawalan lalulintas berjalan lancar.
2. Membuat kawalan bagi Wad/Bilik/Dewan yang dipindahkan akibat banjir pada setiap masa. (Laporan setiap 2 jam kepada Bilik Gerakan Banjir)
3. Menjaga Keselamatan segala peralatan dan bangunan sepanjang waktu Banjir dan selepas Banjir.
4. Melaporkan dengan segera kepada Ketua Syif Bilik Gerakan sekiranya berlaku kecurian serta kehilangan. (Laporan keselamatan mestilah dibuat setiap 2 jam kepada Bilik Gerakan Banjir)
5. Pen. Peg. Keselamatan HRPZ II, Kota Bharu hendaklah berada di Bilik Gerakan Banjir bagi menyelaraskan dan memantau segala aktiviti kawalan dan beliau perlu menerima laporan dari Pengawal Keselamatan Swasta untuk dilaporkan kepada Bilik Gerakan Banjir.

**L) Tugas Unit Khidmat Pelanggan / Perhubungan Awam**

1. Menerima arahan daripada Ketua Operasi (Pengarah)/Timb. Ketua Operasi (Timb. Pengarah) untuk makluman mengenai Pembukaan Bilik Gerakan Banjir.
2. Memaklumkan Pembukaan Bilik Gerakan Banjir kepada Ketua Penyelaras Syif Bilik Gerakan Banjir, Ketua Jabatan Klinikal, Ketua Jabatan Farmasi, Ketua Jabatan Sajian & Dietetik, Ketua Unit Keselamatan dan Radicare.
3. Memastikan pelan tindakan awal sebelum kejadian banjir disediakan dan semua pegawai di Jabatan masing-masing memahami dan mengambil tindakan mengikut tugas masing-masing.

## **10. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/UNIT**

- 8.1 Ketua Jabatan/Unit mestilah menyediakan Pelan Tindakan Banjir di Jabatan/Unit masing-masing dengan melantik Penyelaras/ Timb. Penyelaras dan AJK mereka.
- 8.2 Tiap-tiap Jabatan/Unit mestilah mengadakan Panduan Operasi Banjir masing-masing. Pelan Operasi hendaklah merangkumi tindakan persediaan sebelum, semasa dan selepas banjir berlaku.
- 8.3 Menyediakan peranan/tugas Penyelaras/ Timb. Penyelaras bagi tujuan rujukan semasa banjir dan sentiasa berada di Jabatan/Unit masing-masing serta satu salinan dihantar kepada Jawatankuasa Induk Peringkat Hospital sebagai rujukan.

## **11. KEWAJIPAN MENUBUHKAN AJK BANJIR BAGI SETIAP JABATAN/UNIT/ WAD**

Setiap Jabatan/Unit/Wad yang terdapat di Hospital ini adalah diwajibkan untuk menubuhkan AJK masing-masing bagi menghadapi bencana ini.

Tujuan penubuhan AJK ini adalah seperti berikut :

- i. Bersedia dan bertanggungjawab dalam pengurusan banjir di kawasan lokaliti kerja di Jabatan/Unit/Wad masing-masing.
- ii. Bertanggungjawab menjaga harta dan memindahkan barang-barang/peralatan/ pesakit ke tempat/ruang yang selamat jika keadaan memerlukannya. Senarai barang-barang/peralatan yang dipindahkan perlu dimaklumkan di dalam senarai inventori dan nyatakan lokasi tempat yang baru.
- iii. Bertindak untuk menghubungi Bilik Operasi Banjir Hospital bagi mendapatkan apa-apa bantuan kecemasan.
- iv. Menyimpan lengkap semua nombor-nombor telefon dan alamat lengkap pegawai/ kakitangan yang bertugas di Jabatan/Unit/Wad berkenaan sekiranya keadaan memerlukannya.
- v. Berbincang mengenai keberkesanan/kegagalan dan cara untuk menangani sesuatu masalah akibat banjir.
- vi. Mengenalpasti segala kerosakan semasa banjir dan membuat laporan kepada Pengarah Hospital.
- vii. Mengadakan aktiviti gotong-royong bagi pembersihan/pencemaran akibat banjir/ bangkai dan urusan suchama bersama pihak Radicare.

## 12. PANDUAN MEMINDAHKAN PESAKIT DARI WAD-WAD

- 10.1 Prosedur pemindahan pesakit semasa banjir mestilah mengikut protokol yang telah disediakan oleh Jabatan masing-masing dan dihantar ke Bilik Gerakan.
- 10.2 Pemindahan pesakit hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan kepada Ketua Operasi (Pengarah Hospital) dan pemindahan bergantung di atas persetujuan dan keizinan Ketua Operasi (Pengarah Hospital).

### JADUAL PEMINDAHAN PESAKIT SEMASA BANJIR

BIL	WAD ASAL	PERPINDAHAN SEMASA BANJIR
1	PICU	Endoscope
2	Wad Pediatrik (1,4 & 5)	Wad Anggerik
3	Wad Pediatrik <ul style="list-style-type: none"><li>• (Wad 2/SCN)</li><li>• (Wad 3/NICU)</li></ul>	Day Care Surgical Day Care Medical
4	Wad 6	Wad Puteri (Perempuan) Wad 29/30 (Lelaki)
5	Wad 8,9 dan 10	Wad Puteri
6	Wad 26	Wad 29/30 Wad 28 (Pesakit Perempuan)
7	Wad Maternity (11, 12, 24 & 25) <ul style="list-style-type: none"><li>• Pesakit Antenatal</li><li>• Pesakit Postnatal</li></ul>	Klinik O&G ACC Wad Mawar
8	Wad Rehabilitasi	Wad Dahlia
9	Jabatan Forensik (Post Mortem)	HUSM

- ❖ Seandainya tempat tidak mencukupi, persediaan ke HUSM perlu dibuat dengan segera.

**13. TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS PENGISYTIHARAN TAMAT BANJIR OLEH PENGARAH**

- i. Penyelaras Bilik Gerakan Banjir HRPZ II pada hari terakhir hendaklah menyediakan Laporan Inventori dan Aset.
- ii. Ketua-ketua Jabatan/ Unit mestilah menghantar laporan terkini mengenai kedudukan /kerosakan di Jabatan/Unit serta anggaran kos yang diperlukan bagi tujuan baik pulih.
- iii. *Post-Mortem* : Semua Jabatan mestilah membuat *Post-Mortem* untuk Jabatan/Unit masing-masing bagi mencari dan memperbaiki segala kekurangan dan kelemahan.


**14. PROTOKOL AKHIR :**

Segala harta modal yang rosak/terjejas akibat banjir hendaklah disenaraikan dan mestilah menyerahkannya kepada Timbalan Operasi II (Timbalan Pengarah Pengurusan) dalam tempoh seminggu selepas banjir.

(Hendaklah diisi dengan menggunakan borang di **Lampiran C**)



### CARTA PENUTUPAN BILIK GERAKAN



## TEMPAT PENGINAPAN UNTUK BANTUAN LUAR

Bil	Nama Premis	Lokaliti	No. Telefon	Kapasiti / Orang	RM/Bil. Penyewa Sebilik
1	SABA INN HOTEL	CBG 3 Tanjung Mas	09-7732430 013-9005503 (Hj. Yassin) 019-9813098	120	RM 35/2 org RM 60/2 org RM 70/3 org RM 80/4 org
2	CEMARA INN	4848C, Jln Dusubn Muda, Kota Bharu	012-9216284 (Azmi) 0129521898 012-9212350	22	RM 50/2 org RM 90/4 org RM 100/5 org
3	ANISAA INN	Kg Pengkalan Nangka (Blkg SHELL Baung)	019-9298088 (Roslan) 011-29218158	30	RM 60/2 org RM 70/3 org RM 100/5 org
4	Z&H INN	2731, Paya Rambai, Jln Bayam, K. Bharu	09-7486977 013-9398785	150	RM 35/2 org RM 60/2 org RM 70/3 org RM 80/4 org
5	Homestay MA	Kubang Kerian	09-7650905 012-3481741		RM 150/day
6	J Sham Hotel	Kubang Kerian	09-7640104 016-9581802 (Sham) 0111-2192086		70/day 60/day

## SENARAI PEMBEKAL MAKANAN SEMASA BANJIR

NAMA SYARIKAT	NAMA PENGURUS	NO.TELEFON
1. TESCO	Thinesh Subramaniam	012-5767464
2. Pacific Hypermarket KB MALL	Kwok Pei Ying Chua Hock Soon/ Mr Steven Chew	09-7476622 09-7475177
3. Giant KBTC	Suhaimi Ibrahim	09-7488880 / 019-9497654
4. Pantai Timur Shopping Centre	Tan Hock Beng Yee Kwee Yin	019-9275696 019-9157228
5. Mydin, Kota Bahu	Mohd Hafez Ramzai /En Ridhuan	019-9858278 012-9670332/ 017-9652956
6. The Store Sdn Bhd	Gan Lan Chu Or Siew Fong	012-9289298 017-9078189
7. Panji Makmur Trading	Nurul Ayiqah Mohd Noor Phang Yun Fee	014-8067507 017-9216319
8. GT Cash & Carry Enterprise	Tan Bee Chu Gan Thian Leong	012-9878838 012-9281838
9. ABMN Maju Jaya Enterprise	Azizah bt Mohamad Muhd Khairul Haizan b. Ismail	017-4127177 013-9060702
10. Pok Soh Panchor Trading	Mohd Hisyam b. Musa Nur Laili bt. Musa	019-9493234 019-9429525
11. Pasaraya Ekonomi DZ Smart	Wan Din b. Wan Salleh	019-9805177
12. Pasaraya PKT	Rezal Affendy Aniz b. Zakaria	013-9847688
13. EconJaya (Kok Lanas)	Gan Boon Eng	017-3570680

## SENARAI NGO BANTUAN SEMASA BANJIR

BIL	PERTUBUHAN / PERSATUAN / YAYASAN / AGENSI	NO. TELEFON	CATATAN
1	Persatuan Bulan Sabit Merah	09-7435504	Hj. W. Alib W. Ahmad (Pengerusi)
2	Persatuan St. John Ambulan	09-7442391	
3	PAPISMA KELANTAN - Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia	019-9009321	E. Syakir (Pengurus)
4	MUAFKAT - Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia	03-41071025 019-3199788	A. Karim Omar (s/u)
5	I-Bantu/Ikram	03-8945 6999 /3666	Dr. Din Suhaimi Sidek (Pengarah Kelantan)
6	Mercy	03-21422007	Dato Dr. Ahmad Faizal (Presiden)
7	YOKUK-Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan	09-7742033	Zaid Ibrahim (Presiden)
8	ABIM	03-41082400 09-7714371	Ust. Mustaffa Mat Daud (YDP)
9	PERKEP-Persatuan Isteri-Isteri Polis IPK Kelantan	09-7455622	Datin Hjh Azizah Musa (Pengerusi)
10	LION CLUB Kota Bharu	09-7473106	Francis Lim Yen (Presiden)

## SENARAI TEMPAT-TEMPAT PENDARATAN HELIKOPTER

DAERAH	TEMPAT	KOD RUJUKAN
1. Bandar Kota Bharu	Padang Perdana Jalan Mahmood	QU 697772
	Padang Maktab Sultan Ismail, Jalan Telipot	QU 735755
2. Kemumin	Lapangan Terbang Sultan Ismail, Peng. Chepa	QU 778823
3. Limbat	Padang Sek. men. Keb. Long Ghafar	QU 763675
4. Sering	Padang Sek. Men. Keb. Raja Sakti	QU 792763
5. Beta	Padang Sek. Men. Dewan Beta	QU 688652
6. Salor	Padang Bersebelahan Pondok Polis Salor	QU 672678
7. Pendek	Padang Sek. Men. Keb. Mulong	QU 720675
8. Ketereh	Padang Sek. Keb. Sri Ketereh	QU 733500
9. Kadok	Padang Sek. Men. Kadok	QU 730631
10. Badang	Kolej Task MARA (Jaya Putra) Jabatan Laut Kuala Besar	QU 758845
	Padang Sek. Men. Penambang	QU 7224866

## Informasi banjir

1. Peringkat Negeri Kelantan :  
<http://ebanjir.kelantan.gov.my>
2. Jabatan Pengairan dan Saliran:  
<http://www.water.gov.my>  
<http://infobanjir.water.gov.my/>
3. Jabatan Metereology  
<http://www.met.gov.my>
4. Majlis Keselamatan Nगरa  
<http://portalbanjir.mkn.gov.my/>



# LAMPIRAN

**Lampiran A**

**NO. TELEFON PUSAT-PUSAT PEMANTAUAN BANJIR**

<b>BIL</b>	<b>NAMA JABATAN</b>	<b>NO. TELEFON</b>
1	Bilik Gerakan JKN Kelantan	09-7472099
2	IPD Kota Bharu	09-7752200
3	IPD Kuala Krai	09-9666222
4	Bhg. Keselamatan Negara Negeri Kelantan	09-7481173/7481179
5	Bilik Gerakan Banjir Kota Darulnaim	09-7481180
6	Bilik Gerakan Banjir Pejabat Tanah Kota Bharu	09-7481963/09-7482263
7	Bilik Gerakan Banjir Pejabat Tanah Kuala Krai	09-9666393
8	Bilik Gerakan HRPZ II	09-7452663/7452665 09-7452667 (Fax)

**NO. TELEFON AGENSI LAIN**

<b>BIL</b>	<b>NAMA AGENSI</b>	<b>NO. TELEFON</b>
1	Lapangan Terbang Sultan Ismail	09-7737600
2	Telekom Malaysia Berhad (Pejabat Pengurus Besar)	09-7415555/7434545 (Faks : 7443447)
3	Jabatan Pertahanan Awam	09- 7416160
4	Jabatan Bomba & Penyelamat	09-7444444/7484444
5	Ketua Polis Negeri Kelantan	019-4000125
6	RTM (Wakaf Che Yeh)	09-7482933
7	Persatuan Bulan Sabit Merah	09-7435504
8	HUSM Kubang Kerian	09-7673000/09-7673032



**PENGISYTIHARAN BANJIR DAN PANDUAN BERTINDAK PETUGAS SEMASA BANJIR**

**PARAS PENGISYTIHARAN BUKA BILIK GERAKAN BANJIR**

<b>Paras Air Tambatan Diraja</b>	<b>Paras Air Tangga Krai</b>	<b>Peringkat Pengisytiharan</b>	<b>Masa Bertugas Bilik Gerakan</b>
3.00 M	20.00 M	Bersedia	8.00pg – 6.00ptg
4.00 M	22.50 M	Amaran	24 jam
5.00 M	25.00 M	Kecemasan	24 jam

**PANDUAN BERTINDAK PETUGAS BILIK GERAKAN BANJIR**

<b>SITUASI BANJIR</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>CATATAN</b>
<b><u>SITUASI A</u></b>  1. Apabila air memasuki kawasan Bandar Kota Bharu.  2. Bacaan paras air di Tambatan Diraja mencecah 6 meter  3. Paras air di Kuala Krai dalam keadaan meningkat atau bertahan.	Menggerakkan Jawatankuasa peringkat Jabatan untuk bersedia.	

SITUASI BANJIR	TINDAKAN	CATATAN
<p><b><u>SITUASI B</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Apabila air memasuki longkang Hospital.</li> <li>2. Bacaan meter di Tambatan Diraja melebihi 6 meter</li> <li>3. Tangga Kuala Krai bertahan atau meningkat.</li> </ol>	<p>Menghubungi Hospital Daerah supaya kes-kes rujukan di Bilik Bersalin dan Pediatrik dihantar ke HUSM dan memaklumkan kepada Bilik Gerakan HUSM.</p>	
<p><b><u>SITUASI C</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bila air melintasi jalan dihadapan Kecemasan HRPZ II.</li> </ol>	<p>Kes-kes kritikal di Wad Kanak-Kanak akan dipindahkan ke bangunan ACC</p>	<p>Rujuk panduan pemindahan pesakit</p>
<p><b><u>SITUASI D</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bila keadaan banjir makin buruk</li> </ol>	<p>Mengikut arahan Ketua Operasi Banjir dari semasa kesemasa.</p>	

Nota: Semua tindakan di ambil hendaklah dengan pengetahuan dan persetujuan Ketua Operasi Banjir (Pengaroh HRPZ II, Kota Bharu).

**Lampiran C**

**BORANG LAPORAN KEROSAKAN BARANG-BARANG AKIBAT BANJIR SAHAJA**

Nama Jabatan/Unit/Wad : .....

Tarikh : .....

<b>Peralatan yang mengalami kerosakan akibat banjir</b>						
<b>Bil</b>	<b>Bangunan</b>	<b>Perabut</b>	<b>No. Inventori</b>	<b>Elektrik/ Elektronik</b>	<b>No. siri</b>	<b>Bioperubatan</b>

T/tangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Ketua Jabatan/Unit/Sister Wad

**JADUAL PETUGAS  
BILIK GERAKAN BANJIR HRPZ II BAGI TAHUN 2015/2016**

HARI	PENYELARAS	GILIRAN (8.00 PAGI - 3.00 PETANG)	GILIRAN (3.00 PETANG - 10.00 MALAM)	GILIRAN (10.00 MALAM - 8.00 PAGI)
